

Imbasan PRU - 12

■ SUHAIMI MOKHTAR

Keputusan 8 Mac buka buku baru politik Malaysia

PROFESOR di Raja Ungku Aziz menyifatkan pilihan raya ke-12, 8 Mac lalu bukan sebagai 'bab' baru politik Malaysia setelah negara mencapai kemerdekaan lebih 50 tahun lalu tetapi lebih tepat dianggap sebagai 'buku' baru sejarah politik Malaysia yang berbilang kaum, agama dan kebudayaan.

Ia lebih daripada satu bencana bahkan sangat tepat dipanggil tsunami politik sedang melanda negara yang telah diuar-uarakan sebagai Negara Islam contoh sehingga mendapat jolokan Negara Islam Hadhari apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi mengumumkan dasar Islam Hadhari.

Apa yang berlaku pada malam 8 Mac apabila keputusan pilihan raya diumumkan adalah sesuatu yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Pilihan raya 2008 mengatasi pilihan raya 10 Mei 1969 yang mencetuskan tragedi berdarah tiga hari kemudian, iaitu pada 13 Mei.

Ia juga melampaui keputusan pilihan raya 1999 apabila Pas menguasai Kelantan dan Terengganu serta menghantar 27 orang ahli Parlimen, yang paling ramai, lebih ramai daripada tahun 1969. Pada pilihan raya 1999 perwakilan DAP di Parlimen berkurangan dan parti Keadilan hanya tinggal beberapa kerusi sahaja.

selain berpunca dari kepanasan dan kehangatan kempen pilihan raya dan provokasi antara kaum, ia juga berpunca dari kegagalan Perikatan (UMNO, MCA dan MIC) menubuhkan kerajaan di Perak dan Selangor setelah Pulau Pinang jatuh ke tangan Parti Gerakan dan Kelantan terus dikuasai Pas sejak 1959. Akibat peristiwa berdarah itu Parlimen digantung dan pemerintahan MAGERAN (Majlis Gerakan Negara) diperkenalkan.

Tiada parti yang dapat menubuhkan kerajaan di Perak dan Selangor pada 1969 kerana mempunyai kerusi sama banyak dan tidak mendapat majoriti dan ini termasuk juga di kalangan parti pembangkang ketika itu. Hakikat ini berulang kini selepas pilihan raya 2008, juga di Selangor dan Perak dengan Pulau Pinang dikuasai oleh DAP dan pakatannya Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Bagaimanapun, kedudukan sedikit berbeza dengan berjakunya pakatan sebelum pilihan raya antara DAP-PKR dan PKR-Pas. Ini membolehkan kerajaan campuran ditubuhkan di Selangor dan Perak. Dengan jumlah kerusi

Auditor Negara terhadap Kelantan.

Kehebatan serangan BN ke Kelantan ini juga menjadi punca BN kehilangan kerusi yang banyak dan kehilangan negeri-negeri Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Perak dan kerusi-kerusi Parlimen Wilayah Persekutuan (tiada kerusi DUN di Wilayah Persekutuan).

Pemimpin-pemimpin parti politik pembangkang perlu berhati-hati mengeluarkan kenyataan dalam keghairahan kemenangan kerana ia mampu mengundang perkara-perkara buruk kerana mereka yang kalah sedang mencari peluang untuk menggagalkan proses demokrasi di negara ini yang buat pertama kalinya Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) cuba memperlihatkan ketelusan badan itu, walaupun di sana sini kelihatan ia tidak sepenuhnya, dengan pembatalan pengseteman borong-borong pencalonan dan dakwat cap jari pengundi di saat-saat akhir di samping isu pengundi hantu yang dikatakan masih wujud.

Apa pun SPR sewajarnya diletakkan di bawah pertanggungjawaban Parlimen dan

alternatif campuran sedang melaluinya bersama.

Hasil pilihan raya ini memperlihatkan realiti politik yang wujud di negara ini bahawa DAP terpaksa menerima Pas sebagai rakan kongsi sebagaimana yang berlaku di Perak dengan memilih Setiausaha Perhubungan Pas Perak, ADUN Pasir Panjang, Ir Mohammad Nizar Jamaluddin sebagai Menteri Besar walaupun Pas hanya memperoleh enam kerusi, PKR tujuh kerusi dan DAP 18 kerusi di DUN Perak. Jika equiti politik ini tidak diterjemahkan, BN dengan 28 kerusi mampu mengubah senario jika mendapat kerjasama mana-mana parti politik pembangkang.

Jika realiti politik kerajaan campuran pembangkang ini berjaya diterjemahkan dalam kerajaan campuran yang dibentuk terutama di Perak dan Selangor dengan Perak berketuakan ADUN Pas maka ia akan memberi impak besar kepada kerjasama politik antara tiga parti pembangkang ini di masa akan datang.

Antara Pas-PKR wujud sikap sandar-menandar kerana bagi PKR ia bergantung

DAP menarik diri daripada pakatan Barisan Alternatif (BA) kerana menganggap kekalahan DAP berpunca dari kemarahan orang Cina pada pakatan dengan Pas. Kemenangan besar Pas yang mengadakan pakatan dengan Keadilan dan DAP pada pilihan raya 1999 kerana isu besar negara ketika itu, iaitu kes Anwar Ibrahim yang mendapat pembelaan Pas. Dengan kemenangan besar Pas itu ia mampu menjadikan presidennya, Datuk Fadhil Noor sebagai ketua pembangkang yang sebelumnya dimonopoli oleh Lim Kit Siang, Setiausaha Agung DAP yang kini bertindak sebagai penasihat parti itu.

Selepas pilihan raya 1969 menyaksikan Pas membentuk kerajaan campuran dengan Perikatan ketika itu dan akhirnya membentuk Barisan Nasional (BN) bersama parti Gerakan yang menguasai Pulau Pinang pada 1969 dan beberapa parti lain lagi sehingga komponen BN menjadi terlalu besar dianggotai oleh 14 parti.

Kelangsongan tragedi berdarah 13 Mei,

di Selangor dan Perak. Dengan jaminan kerusi parti-parti dalam kerajaan campuran ini, pihak pembangkang mampu menubuhkan kerajaan baru di Perak dan di Selangor.

Di Kedah dan Pulau Pinang, masalah ini tidak wujud kerana di Kedah Pas-PKR mampu menubuhkan kerajaan dengan kelebihan 20 kerusi (16 Pas-4 PKR) berbanding BN mendapat 14 kerusi dan satu kerusi DAP.

Di Pulau Pinang pula DAP mempunyai 19 kerusi dan PKR 9 kerusi, menjadi 28 kerusi berbanding BN hanya 11 kerusi dan Pas satu kerusi. Kerusi-kerusi BN semuanya dari UMNO. Di Kelantan Pas hampir menyapu bersih kerusi-kerusi DUN Kelantan dengan 38 kerusi campuran satu dari PKR berbanding BN hanya mampu mengekalkan 6 kerusi.

Dengan kemenangan besar Pas Kelantan ini ternyata 'Politik Tok Guru' tidak dapat dikalahkan oleh BN yang bertubi-tubi menyerang Kelantan, tetapi pengundi Kelantan menolaknya dan terus yakin dengan pemerintahan paling bersih, tanpa rasuah, kroni dan tanpa penyelewengan yang diakui sendiri oleh

bawah pertanggungjawaban Parlimen dan bukan lagi di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi menyerlahkan ketelusan secara menyeluruh dan suara-suara ini hendaklah dinyaringkan dalam perbahasan parlimen akan datang setelah rakyat menghantar perwakilan pembangkang seramai 82 ahli Dewan Rakyat (MP) dengan pecahan Pas 23, PKR 31 dan DAP 28.

Buat pertama kalinya BN dinafikan majoriti dua pertiga dengan hanya mampu mendapat 140 kerusi Dewan Rakyat dari 222 yang ditandingi dan sebahagian besarnya diperoleh di Johor, Sabah dan Serawak. Di peringkat DUN pula dari 505 kerusi yang ditandingi, BN memperoleh 307 kerusi dan selebihnya 196 kerusi dimenangi oleh pakatan pembangkang dan dua dimenangi Bebas. Kedudukan kerusi DUN di kalangan pakatan pembangkang ialah Pas 83 kerusi, DAP 73 dan PKR 40 kerusi. PKR bagaimanapun mendapat kerusi paling banyak di peringkat Parlimen dengan 31 kerusi, DAP 28 dan Pas 23.

Apa yang berlaku dalam pilihan raya ini ialah, buat pertama kalinya dengan jumlah pengundi yang agak besar mengundi calon-calon mengatasi sempadan kaum dengan pengundi-pengundi Melayu mengundi calon-calon DAP dan calon PKR yang bukan Melayu-Muslim. Calon-calon PAS juga mendapat undi dari bukan Melayu melalui pakatan Pas-PKR.

Dalam pilihan raya yang disifatkan oleh banyak penganalisis politik sebagai tsunami mempamerkan betapa strategi Pas-PKR dan PKR-DAP menepati sasaran dengan PKR menjadi jambatan antara Pas-DAP. Jambatan ini telah dibina dan kini ketiga-tiga parti yang membentuk kerajaan

menyediakan kerangka bagi PKR dan mengaitkan kepada organisasi Pas untuk mencapai kemenangan dan bagi DAP pula ia perlu membuka ruang chauvanistnya kepada keterbukaan lebih besar kerana orang-orang Melayu telah mengundi DAP. Sikap DAP yang kelihatan begitu chauvanist perlu mengambil kira sokongan Melayu ini dan berubah kepada realiti politik yang wujud.

Keadaan yang sama juga berkemungkinan berlaku di Selangor jika pakatan pembangkang tidak menyelesaikan dan mengatasi masalah remeh-temah termasuk perebutan kerusi Timbalan Menteri Besar dan anggota exco kerana menanti dan menunggu peluang ialah BN Selangor yang memenangi 20 kerusi DUN

Tawaran-tawaran telah pun dibuat untuk menubuhkan kerajaan campuran BN dengan mana-mana parti pembangkang di Perak dan Selangor sehingga sanggup menyerahkan jawatan MB kepada pembangkang, tetapi setakat ini parti-parti pembangkang telah menolak tawaran yang lumayan itu kerana memahami kehendak rakyat yang menolak BN di negeri-negeri ini.

Pilihan raya ini juga memberi pengajaran besar yang perlu difahami BN terutama UMNO bahawa kuasa tidak boleh kekal selamanya dan mereka ditolak kerana ketidakadilan, keangkuhan, penyelewengan dan rasuah yang berlaku dalam pemerintahan BN yang didominasi oleh UMNO.

Ia juga memperlihatkan bahawa selain strategi dan formula terbaik yang dicetuskan dalam pilihan raya ini, faktor Anwar Ibrahim kelihatan masih relevan di samping kemarahan rakyat terhadap BN terutama yang tidak dapat dibendung lagi dengan pelbagai isu yang menyentuh kehidupan harian yang dekat dengan mereka termasuk isu kenaikan kos sara hidup, kenaikan harga petrol dan harga barang keperluan.

Kini cabaran besar sedang menunggu pakatan pembangkang yang menguasai lima negeri kerana pimpinan mereka belum lagi diuji kecuali di Kelantan dengan pimpinan Tok Guru Nik Aziz yang memasuki pemerintahan penggal kelimanya.

***Penulis kini perunding media di Kuala Lumpur.**



Rakyat kini semakin bijak memilih kerajaan yang mampu membawa kemajuan dan pembangunan, sekaligus menjadikan negara ini terus cemerlang, gemilang dan terbilang.